

BAB 2

AMALAN PENDEFINISIAN DALAM BIDANG LEKSIKOGRAFI

2.1 Pengenalan

Pada abad ke-17, sifat huraian makna yang dipersembahkan dalam kamus bersifat tidak formal, iaitu terdiri daripada padanan makna satu-dengan-satu. Namun begitu, bentuk tidak formal ini telah berubah selaras dengan peningkatan dalam bidang falsafah dan logik. Leibniz, sarjana Jerman pertama yang menghasilkan kamus Jerman telah menyedari bahawa *mathematic proof is a matter of form, not content* (Hacking, 1975:162). Ini telah memberi kesan kepada ahli leksikografi dalam merumuskan definisi. Oleh itu, bermula pada abad ke-18 gaya yang lebih formal telah diterapkan ke dalam kamus. Malahan, sehingga abad ke-20, huraian yang merewang-rewang telah digugurkan dari semasa ke semasa. Kamus pada masa ini seboleh mungkin menghasilkan huraian yang tepat, mudah dan langsung (Hanks, 1988: 119-121).

Definisi merupakan aspek yang paling penting dalam sesebuah kamus. Ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh tiga orang penyelidik, iaitu:

- i. Barnhart (1962) yang mengkaji kamus ekabahasa (KEB) untuk kegunaan penutur asli;
- ii. Bejoint (1981) yang mengkaji kamus ekabahasa (KEB) bukan dalam bahasa penutur asli.
- iii. Hartmann (1983) yang mengkaji kamus dwibahasa (KDB) yang digunakan oleh pelajar-pelajar asing.

(Svensen, Bo, 1993: 13)

Ketiga-tiga kajian ini mendapati bahawa definisi atau makna merupakan aspek yang paling dikehendaki oleh pengguna-pengguna kamus. Ini dapat diperjelas melalui jadual berikut:

Jadual : 1
Aspek yang Dikehendaki dalam Kamus

KEB dalam bahasa asli	KEB bukan dalam bahasa asli	KDB untuk pelajar asing
<ul style="list-style-type: none"> - makna - ejaan - sebutan - sinonim - bentuk * penggunaan - etimologi 	<ul style="list-style-type: none"> - makna - tatabahasa - sinonim - ejaan - sebutan - kepelbagai bahasa - etimologi 	<ul style="list-style-type: none"> - makna - tatabahasa - penggunaan berdasarkan konteks - ejaan - sinonim - sebutan - etimologi

(Svensen, Bo, 1993:14)

Berdasarkan jadual di atas, makna menduduki tempat yang teratas berbanding aspek-aspek lain. Ini menunjukkan bahawa makna merupakan aspek yang paling dikehendaki oleh pengguna apabila merujuk sesebuah kamus. Tuntutan terhadap makna ini bukan sekadar dalam kamus dwibahasa malah kamus ekabahasa juga. Walaupun makna merupakan aspek yang dipentingkan tetapi penghasilan makna merupakan perkara yang paling sukar ditangani. Abdullah Hussain menyatakan

bahawa tugas yang paling sulit untuk menyusun kamus adalah memberikan pentafsiran sesuatu kata (1970 :345). Asmah Omar juga mengakui bahawa penghasilan makna merupakan bentuk yang paling rumit dalam keseluruhan projek perkamusian (1971: 178). Hartmann (1993: 6) pula menyatakan bahawa kesukaran yang dihadapi dalam penghasilan kamus ialah pentakrifan makna sesuatu perkataan. Aspek ini paling sukar untuk ditangani kerana aspek ini menuntut penguasaan ilmu teras yang mendalam dari segi semantik, pragmatik dan ilmu-ilmu bantu yang lain (Ibrahim Ahmad, 1994: 75).

Oleh itu, bab ini akan menghuraikan konvensi serta amalan-amalan leksikografi yang digunakan oleh ahli-ahli leksikografi untuk menghuraikan makna dalam sesebuah kamus ekabahasa. Bab ini juga akan memfokuskan struktur dan strategi yang digunakan oleh ahli-ahli leksikografi projek **COBUILD** seperti Sinclair (1991) dan Hanks (1990). Prinsip-prinsip pendefinisian yang disarankan oleh ahli-ahli leksikografi seperti Moon (1990) dan Rey (1990)

turut dimasukkan. Amalan yang digunakan oleh **Kamus Dewan** dalam mentakrif makna kata juga dinyatakan.

2.2 Konvensi Leksikografi

Terdapat beberapa konvensi leksikografi yang digunakan oleh kamus ekabahasa dalam menghuraikan makna. Konvensi leksikografi ini telah digunakan sejak abad ke-18 lagi. Namun begitu, konvensi ini sentiasa berubah sesuai dengan perubahan zaman dan perubahan ini bertujuan untuk menjadikan kamus lebih berwibawa. Konvensi yang digunakan oleh ahli-ahli leksikografi untuk menghuraikan makna akan dibincangkan di bahagian ini, iaitu berkaitan dengan:

- i. Kedudukan definisi
- ii. Penggunaan tanda kurungan
- iii. Homonimi, polisemi dan metafora

2.2.1 Kedudukan Definisi

Kamus meletakkan definisi atau makna di dalam struktur mikro, manakala kata entri atau lemma dalam struktur makro (Rey, 1990 :45).

Berdasarkan konvensi kamus, kedudukan definisi adalah di sebelah kanan kata entri. Bagi membezakan kata entri dan definisi, pada kebiasaannya kata entri ditebalkan cetak hurufnya.

Ini dapat diperjelas melalui contoh berikut:

ferum	(ferum) (Kim) unsur logam yang digunakan untuk membuat keluli, besi...
kata entri (definiendum)	definisi (definiens)

(Kamus Dewan, 1990)

Berdasarkan contoh di atas, didapati bahawa kata entri dan definisi telah dipisahkan oleh kategori-kategori maklumat lain, iaitu wacana leksikografi seperti keterangan sebutan, etimologi kata, singkatan dan label bidang sesuatu kata entri. Kehadiran wacana leksikografi di tengah-tengah kata entri dan definisi telah menyebabkan kata entri dan definisi tidak dapat dibaca sebagai satu ayat yang sama seperti pola ayat yang terdapat dalam bahasa tersebut. Menurut Rey (1990: 46), kehadiran bentuk seperti ini berdasarkan formula *elliptic*, iaitu

1. **X = D** atau,
2. **X : D** (atau tiada padanan makna),
tetapi diikuti oleh frasa
defininiens.
 - X boleh terdiri daripada Frasa Nama,
Frasa Kerja, Frasa Adjektif atau
lain-lain
 - D ialah padanan makna yang sama
dengan kata entri.

Oleh itu, setiap definisi yang dipaparkan perlulah diinterpretasi sendiri oleh pengguna kerana X mungkin bermakna:

- a. X ialah...
- b. X bermakna...
- c. X digunakan...
- d. Kita menggunakan X dalam situasi tertentu apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Oleh itu, pengguna dianggap mampu menginterpretasikan setiap definisi yang disajikan.

2.2.2 Penggunaan Tanda Kurungan

Penggunaan tanda kurungan () kelihatannya bermula pada abad ke-19 (Hanks, 1988:120). Sejak itu, kamus ekabahasa kerapkali memasukkan tanda kurungan dalam bahagian definisinya. Misalnya, dalam kamus **Longman Dictionary of Contemporary English** (LDOCE), konvensi meletakkan objek superordinat di dalam kurungan bagi sesuatu kata kerja amat kerap digunakan. Contohnya,

carry 1 1. to bear (someone or something) on one's back, etc.
while moving.

(LDOCE, 1987)

Penggunaan tanda kurungan ini bukan sekadar untuk meletakkan objek superordinat di dalamnya, tetapi juga maklumat sebutan, label, laras, singkatan, sinonim, hiponim dan sebagainya turut diletakkan. Kadangkala terdapat beberapa set kurungan bagi satu kata entri. Misalnya kata entri **besar**,

1. tidak kecil (ukurannya)...
2. penting, berpengaruh, berkuasa, (berjawatan dsb.) tertinggi...
4. ukuran (lebarnya, panjangnya, tingginya, luasnya, dll.)
7. mempunyai kegiatan perniagaan yang meluas dan hasil pengeluaran tinggi. (bkn syarikat, perusahaan, dsb)
8. menelan harga yang banyak dan ramai bilangan jemputannya (bkn kenduri, majlis, sambutan dsb)

(Kamus Dewan, 1990)

Berdasarkan contoh ini, fungsi kurungan yang terdapat dalam kamus ekabahasa tidak tekal. Makna (1), misalnya, untuk menerangkan superordinat kata entri. Makna (2) pula untuk menyenaraikan contoh, manakala (4) untuk menunjukkan hiponim bagi perkataan *ukuran*, sementara (7) dan (8) merupakan perkataan yang berkolokasi dengan kata entri untuk membawa makna yang dinyatakan. Kehadiran fungsi yang pelbagai ini tidak berdasarkan penggunaan bahasa Melayu baku. Walaupun diakui akan kebaikannya dalam penjimatan ruang, tetapi kehadiran tanda kurungan ini memerlukan pertimbangan pengguna dalam menentukan fungsi setiap set kurungan. Malahan, terdapat pembaca yang gagal memahami perkara yang dinyatakan oleh

kamus-kamus tersebut. Penggunaan tanda kurungan ini, menurut Hanks (1988: 116), tidaklah mesra pengguna.

2.2.3 Homonimi, Polisemi dan Metafora

Persoalan yang agak sukar untuk ditangani oleh ahli leksikografi dalam menghasilkan kamus adalah untuk menentukan bentuk homonimi dan polisemi sesuatu perkataan. Menurut Veenhaar, berdasarkan konvensi leksikografi, apabila dua perkataan atau lebih mempunyai bentuk yang sama tetapi maknanya tidak berkait, bentuk ini dikatakan sebagai homonimi (Abdul Chaer Mad'ie, 1978:97). Misalnya perkataan **kusut**. **Kusut** dalam **Kamus Dewan**, 1990, mempunyai makna:

- a. bersimpul-simpul dgn tidak ketentuan hingga susah hendak dicerai-ceraikan...
- b. menyiasat dgn teliti.

(**Kamus Dewan**, 1990)

Kedua-dua bentuk ini dikatakan sebagai homonimi kerana (a) dan (b) tidak mempunyai sebarang perkaitan makna. Tetapi **kusut** dengan maksud :

- a. bersimpul-simpul dgn tidak ketentuan hingga susah hendak dicerai-ceraikan...
- c. ki tidak teratur atau tenteram (keadaan, fikiran, dan lain-lain)...

(**Kamus Dewan**, 1990)

dikatakan sebagai peluasan makna dan, di dalam kamus, huraian makna (c) ini ditandai dengan 'ki' untuk menunjukkan makna kiasan. Oleh itu, (a) dan (c) bukanlah 'perkataan yang berhomonim. Dalam kamus, bentuk homonim ini lazimnya dikendalikan sebagai entri tersendiri dan biasanya ditandai dengan huruf Roman I, II, III dan seterusnya.

Polisemi pula dikatakan sebagai satu perkataan yang mempunyai set makna yang berbeza (Palmer, 1992: 110). Contohnya perkataan *angin*; **Kamus Dewan**, 1990 memberikan makna seperti yang berikut:

1. udara yg bergerak
2. hawa, udara ...
3. gas yg terdapat atau berkumpul dlm perut ...
4. ki desas-desus, khabar yg belum sah
5. ki kosong, hampa, sia-sia...
6. kemungkinan, peluang, kesempatan ...
7. bp sifat atau perangai yg tidak menentu.

Perkataan angin ini dikatakan sebagai polisemi kerana perkataan ini mempunyai beberapa makna. Dalam kamus, perkataan polisemi ini mempunyai satu kata masukan sahaja dan di dalamnya disenaraikan makna yang dikandung oleh perkataan tersebut.

Terdapat kesukaran untuk menentukan sesuatu kata itu sebagai polisemi atau homonimi. Salah satu cara yang digunakan oleh ahli leksikografi adalah dengan berdasarkan etimologi sesuatu kata. Jika didapati bahawa sesuatu kata itu mempunyai asal-usul makna yang berbeza, maka kata itu dianggap sebagai homonimi dan diberikan kata masukan yang berbeza. Sebaliknya, kata yang mempunyai asal-usul yang sama dianggap sebagai polisemi dan hanya mempunyai satu kata masukan sahaja (Palmer, 1992: 112).

2.3 Amalan Pendefinisian Projek COBUILD

Collins the Publisher and Birmingham University International Language Database atau

lebih dikenali dengan **COBUILD** (Ibrahim Ahmad, 1994: 86) telah menghasilkan korpus yang besar untuk dijadikan landasan dalam proses penyusunan kamus. Projek ini telah bermula dua puluh tahun yang lalu apabila sekumpulan penyelidik bahasa Inggeris di Universiti Birmingham dengan kerjasama penerbit Collins telah menghasilkan projek penyelidikan bahasa Inggeris. Sejak tahun 1970-an lagi penyelidikan telah dijalankan secara berkomputer di Universiti Birmingham, tetapi tidak begitu memberangsangkan. Hanya pada tahun 1980 hingga 1986, projek ini benar-benar memberi kesan bagi proses menyelidik, menganalisis dan merekodkan bahasa Inggeris (Sinclair, 1991: 1-2). Hasil daripadanya, amalan leksikografi turut diubah sesuai dengan penggunaan bahasa Inggeris baku dan tradisi **COBUILD** mula diamalkan oleh ahli-ahli leksikografi lain, termasuklah Bahagian Perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka, yang pada masa ini sedang menyusun **Kamus Melayu Inggeris Dewan**. Bahagian ini akan memberikan tumpuan terhadap amalan-amalan leksikografi yang dilakukan oleh **COBUILD** untuk memerikan makna.

COBUILD menguraikan makna dalam bentuk perenggan dan setiap perenggan merupakan unit asas huraihan makna. Setiap kata entri mempunyai sekurang-kurangnya satu perenggan. Setiap perenggan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

- (i) Bahagian pertama merupakan kedudukan sebenar kata entri.
- (ii) Bahagian kedua menguraikan makna kata entri tersebut.

Kedua-dua bahagian huraihan makna ini boleh diperjelas melalui contoh berikut:

1. [A **flat**] is a set of room for living in, that is part of a larger building...
2. [A **table**] is a piece of furniture with a flat top...
3. [If you **defeat** someone] you win a victory over them ...
4. [A **big** person or thing] is large in physical size ...

(**Collins COBUILD Language Dictionary**, 1996)

Frasa yang di dalam kurungan siku ialah bahagian pertama dan selebihnya ialah bahagian kedua huraian definisi bagi kata entri yang ditebalkan cetak hurufnya. Bentuk yang dihasilkan ini menjadikan wacana leksikografi sama seperti prosa bahasa Inggeris dalam mengungkapkan sesuatu perkara.

* * *

Penghuraian makna seperti ini kelihatan seolah-olah memakan ruang, tetapi hanya bentuk ini sahajalah yang mampu untuk menempatkan kedudukan sebenar sesuatu kata dalam bentuk yang tipikal. Pengunaan strategi seperti ini membolehkan COBUILD mencapai tujuan utamanya, iaitu menghasilkan kamus bukan semata-mata untuk membantu pengguna dalam proses mentafsir teks, tetapi juga membantu mereka mengekod bahasa Inggeris.

Malahan, bahagian pertama huraian definisi ini berupaya menerangkan sesuatu perkataan dengan lebih mendalam berbanding nota tatabahasa yang terletak di hujung huraian

definisi, iaitu di dalam ruang tambahan.

Contohnya,

A **bunch** of key is...
A **bunch** of flowers is...

Kehadiran frasa definisi seperti ini berupaya menghasilkan pembatasan kontekstual yang jelas dan bentuk ini di luar cakupan tatabahasa (Hanks, 1988: 117-119).*

Bagi menerangkan amalan leksikografi yang dilakukan oleh **COBUILD** dengan lebih lanjut, bahagian berikut ini akan menerangkan struktur dan strategi huraihan definisi.

2.3.1 Struktur Penghuraian Definisi

Dari segi struktur, bahagian pertama boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu 'operator', 'topik' dan 'ko-teks'. Operator ialah unsur yang menandakan struktur sebenar sesuatu ayat (Sinclair, 1991: 124-125). Topik pula ditandai dengan kata atau frasa yang ditebalkan

cetak hurufnya, iaitu kata entri, manakala ko-teks ialah perkataan-perkataan lain yang hadir dalam bahagian pertama ini selain topik. Misalnya melalui contoh (3) yang ditunjukkan sebelum ini, iaitu:

- [If you **defeat** someone] you win a victory over them ...
- (a) If * - operator
 - (b) defeat - topik
 - (c) If you... someone... - ko-teks

Bahagian kedua pula merupakan huraian bagi sesuatu topik dan disebut sebagai 'komen'. Komen ini boleh dibahagikan berdasarkan ayat permukaan. Setiap bahagian yang telah dibahagikan ini dinamakan 'kelompok' (*chunking*). Kelompok akan menerangkan secara mendalam sesuatu topik. Selain topik, ko-teks dan kelompok, operator juga boleh hadir dalam bahagian kedua.

- (a) pemula bahagian pertama - *If*
- (b) pemula bahagian kedua - *is*

Bahagian pertama dan kedua ini dapat diperjelas melalui jadual berikut:

Jadual : 2

Struktur Asas Huraian Definisi

Bahagian Pertama				Bahagian Kedua		
OPERATOR	KO-TEKS	TOPIK	KO-TEKS	OPERATOR	KOMEN	KELLOMPOK
	A	Flat		is	a set of room for living in ...	1 2
	A	Table		is	a piece of furniture with a flat top	1 2
If	You	defeat	someone		you win a victory over them in a contest such as ..."	1 2

Daripada jadual di atas, asas kepada struktur bahagian pertama ialah operator, ko-teks, dan topik, sementara bahagian kedua terdiri daripada operator, komen dan kelompok. Bahagian yang selanjutnya akan menerangkan struktur

bahagian pertama dan bahagian kedua dengan lebih mendalam.

2.3.1.1 Struktur Bahagian Pertama

Seperti yang diperkatakan pada bahagian sebelum ini, bahagian pertama terdiri daripada :

1. topik
 2. ko-teks
 3. operator
1. Topik

Topik merupakan kata entri yang ditebalkan cetak hurufnya. Topik ini merupakan perkataan yang hendak diterangkan dalam sesebuah kamus. Dalam kes-kes tertentu, topik boleh wujud sendirian tanpa kehadiran ko-teks dan operator. Misalnya,

*[Menswear] is clothing for man
[Graffiti] are words or pictures that are written or drawn in public places, for example on walls.*

Ini bererti huraian definisi dalam bahagian pertama hanya menggunakan kata atau frasa itu

sendiri tanpa peranti lain, sama ada ko-teks atau operator.

2. Ko-teks

Terdapat kepelbagaian dalam menghasilkan ko-teks. Variasi ko-teks terdiri daripada:

- i. Perkataan atau frasa seperti yang diucapkan oleh penutur,
- ii. Subjek yang terdiri daripada objek hidup,
- iii. Subjek yang terdiri daripada objek tak hidup, dan
- iv. Campuran objek hidup dan tak hidup.

- i. Perkataan atau frasa seperti yang dimaksudkan oleh penutur

Ko-teks ini digunakan apabila kata atau frasa yang dimaksudkan oleh penutur lebih jelas maksudnya berbanding dengan kata atau frasa itu sendiri. Contohnya,

- (a) If you describe someone as a hard drinking...
- (b). If you say that someone is a cold fish
- (c). If you call someone a beast ...

Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa pendapat seseorang penutur merupakan penentu untuk penggunaan bahasa yang betul. Berdasarkan contoh yang bergaris itu, ko-teks telah memasukkan kata kerja seperti *describe*, *say* dan *call*. Kata kerja lain yang boleh dimasukkan ialah *refer*. Kata kerja ini diletakkan di bawah kategori laporan kerana secara tipikal, laporan biasanya mengandungi pernyataan di dalamnya. Ini dapat diperjelas melalui jadual 3 di bawah.

Jadual : 3
Struktur Laporan

Bahagian Pertama				
OPERATOR	KO-TEKS			TOPIK
	LAPORAN	'topik'	'operator'	'komen'
If	you describe	someone	as a	hard drinking
If	you say that	someone	is a	cold fish
If	you call	someone	a	beast

Daripada jadual ini, *If you call someone as a hard drinking* menunjukkan bahawa anda telah melaporkan bahawa *Someone is a hard drinking*.

Struktur ini hampir sama dengan struktur yang ditunjukkan oleh Jadual 2, iaitu *A table is a piece of furniture*. Perbezaan antara Jadual 2 dengan 3 ialah istilah topik dan operator ditulis dengan menggunakan huruf kecil dan diletakkan pembuka dan penutup kata, untuk menunjukkan bahawa topik dan operator ini kedudukannya di bawah paras ko-teks. Komen pula diletakkan di bawah paras topik, iaitu topik dalam paras teks. Dalam hal ini, komen menerangkan *someone* yang merupakan topik di bawah paras ko-teks.

ii. Subjek yang terdiri daripada objek hidup

Objek hidup yang seringkali digunakan di dalam kamus bagi menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan ialah objek manusia. Untuk merujuk pelaku yang terdiri daripada manusia, maka kata ganti nama diri digunakan. Manusia dipilih sebagai pelaku sesuatu perbuatan walaupun perbuatan itu turut dilakukan oleh makhluk lain adalah kerana apabila melakukan sesuatu manusia kerap kali merujuk kepada spesis mereka sendiri berbanding spesis yang lain. Oleh itu, kata ganti nama diri

yang sering digunakan ialah perkataan *you*. Ganti nama diri ini banyak digunakan di dalam kamus COBUILD. Ganti nama diri *you* digunakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu itu merupakan perkara yang lazim dilakukan oleh kebanyakan individu. Contohnya,

If you are allowed credit, you are allowed to pay...
If you injure a person or animal, you...

Tetapi untuk menerangkan sesuatu perkara yang jarang dilakukan oleh kebanyakan individu atau perkara tersebut sukar untuk dilakukan atau agak luar biasa, kata ganti diri *you* ditukarkan kepada *someone*. Contohnya,

If someone lurks somewhere, they wait there ...
If someone flings you into prison,...

Kadangkala perkataan *people* menggantikan perkataan *someone* untuk menunjukkan bahawa sesuatu perkara itu lebih natural sifatnya dan dilakukan secara bersama serta untuk menunjukkan bentuk tersebut ialah bentuk jamak.

*If people **riot**,...
When people **demonstrate**, ...
If people **agree** on something,...*

Kata ganti nama *someone* dan *people* boleh ditambah dengan gambaran terhadap frasa tersebut atau batasan frasa untuk menunjukkan pengkhususan atau pembatasan konteks terhadap sesuatu perkara.

Contoh,

*If someone, especially a child, **sneaks** on you... ,
If someone who is very ill is **sinking**,...*

Dalam contoh ini, *especially a child* dan *who is very ill* di tambah untuk menbataskan konteks sesuatu topik.

Terdapat juga penamaan subjek secara terus bagi topik-topik tertentu. Misalnya,

*If the police **arrest** you,...
When artists **exhibit** ...*

Berdasarkan contoh tersebut, penamaan subjek seperti ini dimanfaatkan kerana kemungkinan seseorang ditahan oleh orang lain selain anggota polis amatlah kecil. Jika menghuraikan definisi dengan cara *If someone such as a policeman **arrest***

you,..., huraian sebegini dirasakan agak janggal dan tidak ekonomi. Walau bagaimanapun, penamaan terhadap sesuatu subjek mempunyai risiko yang tinggi kerana konvensi kamus mudah berkembang. Oleh itu, hanya sebilangan kecil sahaja topik yang menamakan subjek tertentu.

Jika sesuatu perkara atau aktiviti itu tidak diingini berlaku atau dianggap sebagai tidak munasabah untuk dilakukan oleh manusia biasa, maka keseluruhan subjek digugurkan. Oleh itu topik akan hadir sendirian. Contohnya,

*To **torture** someone means ...
To **levitate** means to rise and float in the air ...*

iii. Subjek yang terdiri daripada objek tak hidup

Bagi objek yang tidak hidup atau entiti abstrak, kata ganti nama yang digunakan ialah *something*. Contohnya,

*If something is **inchoate**, it is recent or new, ...
If something **often** happens, it happens many ...*

Bagaimanapun, kata ganti nama *something* ini boleh dibatasi, iaitu dengan menggunakan frasa

antaranya, such as dan for example selepas perkataan *something*. Misalnya,

If something such as glory or love evades you, ...

If something for example paint, flakes, ...

If something unpleasant set in, ...

Jika bentuk yang dihuraikan ialah bentuk jamak, maka perkataan *things* boleh menggantikan *something*. Misalnya,

If things such as ideas, beliefs or statement sweep a place ...

Apabila hendak menghuraikan perkara yang terlalu terbatas, maka penamaan secara terus akan dilakukan. Misalnya,

If a play is taken off, ...

When an object breaks,

When the sun sets, ...

iv. Subjek yang terdiri daripada objek hidup dan tak hidup

Terdapat juga kata kerja yang mempunyai perkongsian subjek hidup dan tidak hidup. Dalam bahasa Inggeris, tiada kata ganti nama yang sesuai. Oleh itu, perkataan *someone* dan *something* digunakan secara bersama. Contohnya,

*If someone or something takes a **pounding**, ...
If someone or something is **proof against**...*

Dalam bentuk jamak, *someone* dan *something* akan digantikan dengan *people* dan *things*. Contohnya,

*When things or people **disappoint** you,...*

Selain membincangkan ko-teks, bahagian ini juga akan membincangkan pengunaan operator *if* dan *when*.

3. Operator

Operator yang digunakan oleh kamus **COBUILD** bagi menerangkan kata entri yang terdiri daripada kata kerja ialah *if* dan *when* (Sinclair, 1991:132). *If* digunakan untuk merujuk kepada aktiviti yang memerlukan pertimbangan seseorang individu. Oleh itu, kata kerja yang diterangkan dalam kamus merupakan kata kerja yang jarang dilakukan oleh kebanyakan individu. Sebaliknya *when* digunakan bagi aktiviti yang lazim dilakukan oleh kebanyakan manusia. Malahan, hubungan antara subjek dan kata kerja saling menentukan, iaitu melibatkan bentuk yang tipikal. Misalnya *sewing* dan *skiing*, merupakan aktiviti manusia yang

tipikal. Oleh itu, *when* digunakan. Tetapi *rioting* dan *burgling*, walaupun merupakan aktiviti manusia, tetapi hubungan antara subjek dan kata kerja ialah hubungan yang tidak tipikal serta memerlukan pertimbangan seseorang untuk melakukan aktiviti tersebut. Oleh itu digunakan perkataan *if*.

2.3.1.2 Struktur Bahagian Kedua

Seperti yang dinyatakan dalam 2.3.1 di atas, struktur bahagian kedua boleh dibahagikan kepada dua kelompok. Kelompok pertama dalam bahagian kedua akan menerangkan bahagian pertama dengan lebih mendalam. Dalam kebanyakan huraian definisi, perkataan yang digunakan dalam ko-teks bahagian pertama akan diulang semula di dalam bahagian kedua, sama ada melalui tautan perulangan atau tautan-tautan yang lain. Perulangan seperti ini disebut sebagai kerangka kerja huraian makna. Oleh itu, kelompok pertama bahagian kedua merupakan huraian semula topik dan disebut sebagai nukleus. Sementara itu, kelompok kedua bahagian kedua berkait dengan kelompok pertama, iaitu

menghuraikan sesuatu topik dengan lebih lanjut. Ini dapat diperjelas melalui Jadual 3, yang menganalisis entri-entri berikut:

- i. A **house** is a building in which people live
- ii. If you **defeat** someone you win a victory over them in a contest
- iii. A **pure** substance is not mixed with anything else such as a battle, game...
- iv. If something happens **often**, it happens many times.

Jadual : 4

Analisis Bahagian Kedua : Kelompok Pertama

Bahagian Pertama	Bahagian Kedua Kelompok Pertama			
	OPERATOR		NUKLEUS	
A house	is	a	building	
If you defeat someone		you	win a victory over	them
A pure substance	is		not mixed with anything else	
If something happens often		it happens	many times	

Jadual : 5

Analisis Bahagian Kedua : Kelompok Kedua

Bahagian Kedua Kelompok Kedua	Analisis
- in which people live	penerang bagi kata <i>building</i>
- in a contest	adjung
- such as a battle, game or argument *	senarai contoh bagi kata nama
- or much of the time	cabang

Item-item dalam bahagian kerangka kerja, iaitu *a*, *you* dan *happens* ialah perulangan kata bagi ko-teks dalam bahagian pertama, sementara perkataan *it* dan *them* ialah ganti nama diri yang merujuk semula kepada item bahagian pertama, iaitu:

it merujuk semula kepada *something*
them merujuk semula kepada *someone*

Daripada Jadual 4 di atas, analisis boleh dilakukan terhadap unsur-unsur yang hadir di dalam bahagian kedua, seperti yang berikut:

a. *building*

Perkataan *building* dalam bahagian nukleus pada bahagian kedua menggantikan perkataan *house* pada bahagian pertama. Dari segi semantik, *building* dan *house* mempunyai hubungan hiponim, iaitu *building* sebagai superordinat, sementara *house* ialah hiponim. Dalam kelompok kedua frasa *in which people live* telah membataskan makna *building*, iaitu pembatasan superordinat. Ini bererti *house* ialah sejenis *building*, tetapi berbeza daripada *building* yang lain yang juga diduduki oleh manusia.

b. *win a victory over*

Frasa ini menggantikan topik *defeat*. *Defeat* merupakan kata kerja transitif dan *someone* sebagai objek tepat hadir pada bahagian ko-teks. Pada kebiasaannya kata kerja akan digantikan dengan kata kerja juga.

c. *not mixed with anything else*

Frasa ini menggantikan perkataan *pure*. Frasa ini mempunyai hubungan semantik dengan *pure*, iaitu hubungan antonimi.

2.3.2 Strategi Penghuraian Definisi

Huraian definisi terdiri daripada bahagian pertama dan bahagian kedua.

2.3.2.1 Bahagian Pertama Huraian Definisi

Seperti yang dijelaskan di atas, bahagian pertama huraian definisi menunjukkan kedudukan sebenar kata entri yang juga disebut sebagai topik. Untuk menerangkan bahagian pertama ini dengan lebih jelas beberapa strategi telah dilakukan oleh **COBUILD**. Antara strategi yang dibincangkan di dalam bahagian ini ialah :

- i. Pemilihan strategi yang tepat.
 - ii. Strategi pembinaan huraian definisi.
 - iii. Strategi penggantian : makna kiasan.
- v. Homonimi, polisemi dan metafora

i. Pemilihan Strategi Yang Tepat.

Definisi yang dimuatkan di dalam kamus sebenarnya tidak sekadar memberikan makna dalam bentuk yang berlainan daripada kata entri, tetapi juga perlu memberikan makna berdasarkan sesuatu konteks. Ini adalah kerana makna dikatakan hasil daripada sesuatu konteks. Justeru untuk memaparkan sesuatu makna, konteks terlebih dahulu perlu dikenal pasti. **COBUILD** menggunakan baris-baris konkordans¹ untuk melihat konteks sesuatu perkataan. Konteks yang disediakan oleh konkordans ini dengan jelas dapat memerikan sesuatu makna berdasarkan kolokasi dan sintaksis. Kolokasi dan

¹ Konkordans ialah barisan petikan penggunaan sesuatu kata daripada sekumpulan data korpus, dengan kata yang hendak dikaji diletakkan di tengah-tengah baris (Noresah Baharom, 1994 :9). Huraian lanjut mengenai konkordans dibincangkan dalam bab 3.

sintaksis saling mempengaruhi bagi menghindarkan kekaburuan makna (Moon, 1988: 86-87).

Oleh itu, dalam memilih konteks yang dapat menjelaskan makna dengan tepat, **COBUILD** telah menggunakan konsep tipikal berbanding dengan konsep kewajaran. Bentuk tipikal ini termasuklah struktur tatabahasa, kelas kata dan kolokasi. Contohnya perkataan *broad*. Dari segi kelas kata, *broad* merupakan kata adjektif. *Broad* bertindak sebagai kata adjektif apabila digunakan bersama-sama dengan perkataan *avenue*, *boulevard*, *highway*, *path* dan *track*. *Broad* juga digunakan dengan perkataan *current*, *ditch*, *colour river*, *stream* dan *Mekong*. Kehadiran *broad* dengan perkataan ini membawa maksud *wide*. Ini menunjukkan *broad* mempunyai maksud *wide* apabila bertemu dengan perkataan tertentu. Apabila kamus ingin memberikan definisi *broad* dengan memaparkan definisi seperti *A broad river or road is ...*, definisi ini dikatakan terlalu terbatas kerana terhad kepada perkataan tertentu sahaja yang *broad*. Di sini **COBUILD** memilih bentuk keutamaan berbanding bentuk

keterbatasan. **COBUILD** menggunakan *such as* untuk menunjukkan bentuk tipikal perkataan ini, iaitu *Something such as a road or river that is broad is very wide.*

Broad juga hadir seperti dalam *a broad of clear knowledge, the broad category of engineering dan in this broad context.* Bagi menunjukkan perbezaan makna dengan maksud *wide*, **COBUILD** telah menggunakan strategi :

Broad is also used to refer to something that is 1. Experienced by many people ... 2. Defined or described in generally or that includes many different things.

Kejelasan makna dapat ditunjukkan oleh sesebuah kamus berdasarkan kolokasi. Kolokasi yang dipilih pula perlulah kolokasi yang tipikal. Oleh itu, setiap keterangan makna menunjukkan konteks tipikal kata entri dan ini amat membantu pengguna untuk mengekod teks.

ii. Strategi Pembinaan Huraian Definisi

Dalam menghasilkan huraian definisi, projek **COBUILD** lebih mementingkan keutamaan pilihan berbanding dengan keterbatasan pilihan. Contohnya perkataan *fuse*. **COBUILD** telah menggunakan contoh sebenar yang diambil daripada korpus Birmingham, iaitu:

- *As usual, several of the street lamps had **fused**.*
- *If their tiaras had met, they would have **fused** all the lights.*
- *The light had **fused**.*

Secara tipikal, bukan sekadar sesuatu yang *stops working owing to a fuse* dikatakan mempunyai *fuse*, tetapi *fuse* ialah *a failure of electrical power owing to the melting of one of these* yang disebut sebagai *short thin piece of wire*.

Contoh di atas ini menunjukkan bahawa **COBUILD** lebih menekankan keutamaan pilihan sesuatu perkataan, iaitu *light* dan *lamp*. Oleh itu, **COBUILD** memberikan definisi *If the light fuse, they stop working....* Bagi menjelaskan juga hubungan ergatif, iaitu untuk menandakan subjek bagi kata kerja

transitif, maka **COBUILD** meletakkan *or* di bahagian kiri, contohnya *If the light fuse or if something fuses them...*. Berdasarkan korpus, *light* dan *lamp* mempunyai *fuse*, tetapi tidak terdapat bukti bahawa pembakar elektrik mempunyai *fuse* dalam korpus yang sama. Oleh itu, ahli-ahli leksikografi **COBUILD** memutuskan bahawa peralatan elektrik lebih sesuai digunakan dalam definisi berbanding perkataan *light*. Huraian ini diubah dengan memperluas subjek tipikalnya, iaitu *If a piece of electric apparatus fuses, or if something fuses it... .*

Walau bagaimanapun, untuk menunjukkan penegasan bahawa *light* sebagai alat elektrik yang paling kerap mempunyai *fused*, ahli-ahli leksikografi memasukkan perkataan *usually, often, sometimes* dan *or some other similar thing*. Ini dapat menunjukkan bentuk tipikal alat elektrik tersebut. Justeru definisi sebenar **COBUILD** ialah:

*When a light or some other piece of electrical apparatus **fuses** or when you fuse it, it stop working because of a fault, especially because too much electricity is being used,...*

Keutamaan pilihan juga digunakan untuk menunjukkan subjek bagi sesuatu kata kerja. Keutamaan pilihan yang paling biasa digunakan ialah subjek manusia. Ini adalah kerana pergerakan biasanya dilakukan oleh manusia, berbanding dengan haiwan dan objek-objek yang tidak hidup. Malahan sifat manusia itu sendiri yang sentiasa berbual, bertanya, menerangkan sesuatu, menulis dan sebagainya. Manusia juga melakukan pelbagai aktiviti, antaranya *tidur*, *berjalan*, *makan* dan *minum*. Walaupun aktiviti yang dilakukan ini juga dilakukan oleh haiwan, namun dalam kehidupan seharian, manusia sebagai antroposentrik lebih kerap berbicara tentang spesis mereka sendiri berbanding dengan spesis lain, seperti haiwan, tumbuhan atau benda-benda lain.

COBUILD memilih bentuk yang tidak formal berdasarkan keutamaan pilihan kepada pengguna secara terus, iaitu pengguna sebagai ahli kumpulan manusia, maka huraian makna kamus sering kali bermula dengan *If you...* dan *When you...*(Hanks, 1988: 123-5). Selain menggunakan bentuk tersebut,

terdapat juga definisi yang mengubah bentuk ini bagi menunjukkan keutamaan pilihan. Misalnya menggunakan:

*When the sun sets...
If someone sets you doing...
When a horse gallops...*

Walaupun keutamaan pilihan ini banyak menggunakan ruang, namun untuk memberikan kejelasan makna, maka hal ini lebih dititikberatkan daripada ruang yang digunakan. Pembinaan huraiyan makna dalam bahagian pertama definisi dapat mencerminkan secara jelas kelas tatabahasa bagi setiap kata. Secara umumnya, tema huraiyan makna yang dibentuk oleh **COBUILD** mempunyai variasi huraiyan yang berdasarkan prinsip *An X is..., X means Y dan You use the word X like this..."* (Hanks, 1988: 129).

Jika dibandingkan contoh yang diberikan oleh **COBUILD** dengan **LDOCE**, didapati bahawa makna yang dihuraikan oleh **LDOCE** agak terbatas. Contohnya perkataan *fused*. Dalam **LDOCE**, *fuse* merupakan kata kerja yang mengandungi empat makna yang berbeza. Walau bagaimanapun, perbezaan makna ini hanya melibatkan perbezaan dari segi kelas

kata. Perbezaan yang terjadi amat kecil, iaitu perbezaan antara kata kerja transitif dengan satu objek dan kata kerja tidak transitif. Contohnya :

3.to (cause to) stop owing to
a **FUSE**(2): If you connect all
these apparatuses to the
electricity supply at one
place, you'll fuse all the
light. The light have fused;
the whole place is in
darkness.

Contoh yang diberikan tidak berdasarkan contoh sebenar, tetapi contoh tersebut telah dihasilkan atau direka oleh ahli-ahli leksikografi.

iii. Strategi Penggantian : Makna Kiasan

Terdapat sesetengah perkataan yang dianggap mempunyai makna kiasan. Bagi sesetengah kamus Inggeris, makna kiasan ini ditandai dengan 'fig'. Makna kiasan ini kadang-kadang lebih lazim digunakan berbanding makna literalnya. Bagi menangani masalah ini **COBUILD** melakukan strategi penggantian, iaitu dengan menggunakan definisi seperti *If you say that...* atau *If you call someone a...*. Contohnya perkataan *bitch*. Makna literal bagi

perkataan *bitch* ialah anjing betina. Tetapi makna literal ini amat kurang digunakan berbanding dengan makna kiasan yang digunakan untuk maksud kata makian bagi wanita. Strategi penggantian yang digunakan bagi mendefinisikan perkataan *bitch* ini ialah:

1. *If you call a women a bitch, you mean that she behaves in an unpleasant and nasty way to other people.*
2. *A bitch is a female dog.*

Oleh itu, dengan menggunakan strategi penggantian ini, **COBUILD** dapat menunjukkan bahawa kata ini digunakan secara tipikal. Malahan, perkataan *bitch* untuk maksud kata kiasan lebih diutamakan berbanding makna literalnya bagi mencapai tujuan pragmatik. Dalam kamus, sesuatu bentuk itu diketahui mempunyai maksud pragmatik apabila perkataan pragmatik ditunjukkan di dalam ruang tambahan. **Collins COBUILD Learner's Dictionary**, misalnya, menyatakan bahawa,

"the word pragmatic is shown in extra coloum next to words and expressions which are used by speakers of English to do more than simply convey meaning" (1996: X).

Aspek pragmatik ini sebenarnya untuk menunjukkan interpretasi ujaran dan bagaimana pengetahuan bukan linguistik digunakan dalam kognisi dan komunikasi. Jika dibandingkan semantik dan pragmatik, semantik hanyalah perkaitan makna sesuatu ayat yang dikhususkan oleh nahu dan terhad kepada bentuk logik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 50-51). Justeru itu, kamus perlu meletakkan bentuk pragmatik sesuatu kata.

v. Homonimi, Polisemi dan Metafora

Untuk menangani persoalan homonimi dan polisemi, **COBUILD** mempunyai cara yang agak berbeza daripada konvensi leksikografi. Pangkalan datanya dibentuk secara sinkronik, iaitu data yang dikumpulkan tertumpu kepada sesuatu masa tertentu sahaja. Oleh itu, etimologi kata tidak dimasukkan ke dalam pangkalan datanya. Malahan, mereka beranggapan bahawa etimologi kata bagi bentuk homonimi ini tidak terdapat di dalam minda pengguna kamus. Hal ini menyebabkan mereka telah

memutuskan untuk menghindarkan kesemua bentuk homonimi apabila menyusun pangkalan data. Ini bererti entri tunggal bagi perkataan seperti *page*, *bank*, *ear*, *row*, *may* dan *ice* tidak diendahkan asal-usulnya. Begitu juga dengan bentuk akronim seperti *AIDS* dan *SALT* dimuatkan dalam entri yang berbeza daripada perkataan *aid* dan *salt* (Moon, 1988: 88).

Bagi makna luas atau metafora, **COBUILD** mengaitkannya dengan kolokasi. Contohnya perkataan *foot*. *Foot* mempunyai maksud *part of the leg*, juga *foot* dikaitkan dengan maksud *unit of measurement*. Demikian juga sesetengah orang mengaitkan *leaf* dengan *part of plant* dan *leaf* dengan *sheet of paper*. Bagi perkataan *bark* terdapat perkaitan yang jelas antara *bark* yang dihasilkan oleh anjing dan *bark* yang ditunjukkan oleh seseorang apabila mereka bercakap. **COBUILD**, misalnya, memberikan huraian definisi *bark* sebagai:

1. When a dog **barks**, it makes a short loud noise, one or several times.
2. If you **bark** at someone, you shout at them aggressively in a loud rough voice.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa set kolokasi yang berbeza membawa maksud yang berbeza. Isu perkaitan makna ini amat penting dalam mereka bentuk kamus, terutama kamus **COBUILD** yang tidak menitikberatkan bentuk homonimi. Hal ini menunjukkan bahawa dalam menangani isu perkaitan makna, **COBUILD** lebih mementingkan hubungan berdasarkan konteks berbanding dengan bentuk homonimi.

Bagi perkataan yang mempunyai makna yang berbeza, **COBUILD** menyusun makna tersebut berdasarkan kejelasan dan kebiasaan sesuatu kata. Ini bererti makna yang lebih lazim berbanding dengan makna-makna yang lain diletakkan sebagai makna pertama. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, makna *teras* diletakkan terlebih dahulu. Contohnya perkataan *know*. Berdasarkan konkordans, bentuk yang paling kerap ialah *I know* dan *You know*. Tetapi **COBUILD** meletakkan makna pertamanya ialah makna kognitif kata tersebut. Hanya makna yang ke-15 dan ke-16 merujuk kepada *I know*. Misalnya:

15. You say **I know** to show that you agree with what has just been said.
16. You say **I know** to show that you accept that something is true, but think that it is not very important or relevant.

Bagi perkataan yang mempunyai perubahan makna yang terlalu kecil, **COBUILD** menggunakan lambang. Ini adalah kerana **COBUILD** tidak mahu mengangkat status kata ini kepada makna yang terpisah. Penggunaan lambang ini membolehkan **COBUILD** menandakan hubungan makna yang begitu rapat. Selain itu, lambang ini juga digunakan untuk menunjukkan perubahan yang berlaku dalam sintaksis tetapi tidak melibatkan perubahan dalam semantik. Contohnya perkataan *decay* dan *blare*.

- When something such as a body, a dead plant, or a tooth **decay**, it becomes rotten...
Also a noun.
- If something such as a siren or radio **blare**, it makes a loud, **blare** out unpleasent noise...
Blare out means the same as **blare**. ...

2.3.2.2 Bahagian Kedua Huraian Makna

Bahagian kedua huraian makna yang dihasilkan oleh **COBUILD** adalah sama seperti konvensi leksikografi. Bahagian ini menerangkan definisi sesuatu kata entri. Misalnya bahagian kedua bagi kata entri *bottle* dan *lithograph* ialah:

... a glass or plastic container in which drinks and other liquids are kept.

... a picture made by printing with a piece of stone or metal which has been specially treated so that inks sticks to some parts on it and not to others.

Umumnya, bahagian kedua menghuraikan makna sesuatu kata dan huraian seperti ini mampu untuk menunjukkan kedudukan sebenar sesuatu subjek dan predikat, sama seperti prosa bahasa berkenaan.

Selain aspek pemaknaan, percontohan juga dimuatkan selepas huraian makna ini. **COBUILD** memberikan contoh bagi kebanyakan kata yang dihuraikan. Ini adalah kerana contoh dapat mengukuhkan lagi makna sesuatu kata. Melalui contoh, penggunaan sebenar sesuatu kata dapat

ditunjukkan, misalnya contoh dapat menunjukkan kehadiran kata yang dihuraikan mengikut konteks yang betul, struktur tatabahasa yang tipikal dan kewujudan perkataan tersebut dengan perkataan yang lain (Fox, 1988: 137). Oleh itu, contoh yang biasanya mengiringi sesuatu makna dapat memberikan keterangan kepada pembaca berbanding dengan hanya meletakkan makna semata-mata dalam bahagian huraian definisi. Contoh yang dimasukkan di dalam kamus ialah contoh daripada korpus yang berdasarkan penggunaan bahasa yang dihasilkan oleh penutur asli. Ini membolehkan kamus menunjukkan bagaimana sesuatu kata tersebut digunakan dalam keadaan sebenar. Misalnya perkataan *television*. Huraian maknanya ialah:

... a piece of electrical equipment that consists of a box containing a special electronic tube with a screen in front of it, on which you can watch programmes with pictures and sounds.

Objek yang konkrit seperti televisyen seolah-olah tidak memerlukan maklumat percontohan. Bagaimanapun, bagi menunjukkan bentuk tipikal perkataan ini, maka contoh diperlukan, iaitu

*I turned on the television to
watch the news.*

Contoh yang mengikuti huraian makna ini dapat menunjukkan bahawa dalam bahasa Inggeris *turn on* digunakan untuk *television* dan *radio* berbanding dengan *light*. Bahasa Inggeris juga menggandingkan perkataan *watch* dengan *television* berbanding *see* atau *look at*. Ini dapat memberi maklumat tentang bagaimana perkataan tersebut digunakan dengan betul dan tepat.

2.4 Amalan Leksikografi Kamus Dewan

Perbincangan dalam bahagian ini tertumpu kepada amalan yang digunakan oleh **Kamus Dewan** dalam memerikan sesuatu kata entri. Amalan leksikografi yang dibincangkan ini berdasarkan manual **Kamus Dewan** yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk dijadikan panduan umum kepada pendraf kamus ekabahasa. Dalam pendrafan **Kamus Dewan**, sesuatu draf itu dikatakan sempurna

untuk diedit apabila syarat-syarat berikut dipenuhi:

1. Memberikan takrifan bagi semua kata entri.
2. Memasukkan penjelasan lanjut tentang sesuatu kata entri apabila dirasakan perlu atau wajar untuk menjelaskan lagi takrif sesuatu kata entri.
3. Memberikan kata seerti atau sinonim sesuatu kata entri.
4. Memberikan contoh penggunaan kata apabila difikirkan perlu atau contoh tersebut dirasakan akan memberikan manfaat kepada pengguna.

2.4.1 Pentakrifan Makna

Secara umum, takrif ialah keterangan yang terdiri daripada beberapa perkataan. Takrif sesuatu kata diberikan apabila difikirkan perlu untuk memaparkan makna sesuatu kata dengan cara pemerian. Hampir kesemua kata perlu ditakrif.

Namun begitu terdapat kata entri yang tidak memerlukan takrif kerana lebih sesuai dinyatakan maknanya melalui kata seerti.

Kamus Dewan mengelaskan beberapa keadaan perkataan yang tidak sesuai diberikan takrif, iaitu:

1. Sesuatu perkataan akan lebih jelas maknanya apabila diberikan kata seerti.
2. Apabila kata entri terdiri daripada kata arkaik atau kata klasik dan maknanya dapat dijelaskan melalui perkataan seerti yang digunakan dengan meluas oleh umum. Contohnya:

sagar sakar, gula

(KD, 1996)

bahari indah, elok, molek

(KD, 1996)

3. Apabila kata entri itu dianggap kurang baku, maka rujuk silang akan diberikan kepada kata entri tersebut. Ini adalah kerana takrif telah diberikan kepada kata entri yang dirujuksilangnya itu.
Contohnya:

alfu ---> alfa
mengkarung ---> bengkarung
(KD, 1996)

2.4.2 Pendekatan Mentakrif

Terdapat empat jenis pendekatan yang digunakan untuk mentakrif perkataan, iaitu pendekatan leksikografi, sinonim, logik dan ensiklopedia (Ibrahim Ahmad, 1994: 76-78).

1. Pendekatan leksikografi

Pendekatan ini menghuraikan ciri-ciri semantik yang penting untuk menjelaskan makna sesuatu kata secara berurutan. Pendekatan ini mempunyai penjelasan secara sederhana dan singkat serta dapat difahami secara umum oleh pengguna kamus. Contohnya,

baja bahan utk menyuburkan tumbuh-tumbuhan.

2. Pendekatan Sinonim

Pendekatan ini paling kerap digunakan dalam kamus ekabahasa. Melalui pendekatan ini makna kata dipaparkan dalam bentuk padanan makna yang sama atau mirip dengan kata entri. Hubungan makna dengan kata entri yang terlibat bersifat dua hala. Misalnya:

bosan	jemu, boyak
padat	padu, pejal, tumpat

3. Pendekatan logik

Pendekatan logik ialah pemerian makna kata yang mengenal pasti objek dan membezakannya dengan objek lain secara jelas. Pendekatan ini lebih ilmiah sifatnya daripada pendekatan leksikografi. Pendekatan ini juga sesuai untuk istilah-istilah dalam bidang disiplin tertentu. Misalnya:

nitrogen (Kim) sj unsur gas yg tidak berbau, tidak berwarna, wujud semula jadi dlm atmosfera (sebanyak 78%) dan digunakan dlm pembuatan ammonia, asid nitrik, bahan kimia dll;...


4. Pendekatan ensiklopedia

Pendekatan ini menghuraikan sesuatu kata entri dengan lebih mendalam, lengkap dan cermat. Penjelasan yang diberikan begitu terperinci sehingga segala sesuatu yang berhubung dengan kata entri dijelaskan.

Dalam kamus ekabahasa pendekatan seperti ini seboleh mungkin dielakkan.

2.4.3 Kaedah Mentakrif

Dalam mentakrif kata, **Kamus Dewan** memulakan huraian yang umum dan diikuti dengan huraian yang lebih khusus atau lebih terperinci. Ini dapat diperjelas melalui gambar rajah di bawah:



Huraian umum akan memberikan garis kasar tentang makna, sementara huraian khusus akan memperincikan serta melengkapkan huraian yang umum. Huraian khusus ini menghuraikan makna sehingga kata entri tersebut jelas maksud yang dikandung olehnya.

2.4.4 Pertimbangan Utama Dalam Pentakrifan

Antara perkara-perkara yang diberikan perhatian utama dalam mentakrif ialah:

1. Keselarasan dari segi kelas kata antara kata entri dengan maknanya. Jika kelas kata bagi kata entri ialah kata nama, maka pemerian maknanya perlu dimulai dengan kata nama juga. Begitu juga bagi entri-entri yang lain. Contohnya:

gelas kn bekas utk minum(sirap, air dll) yg tidak bertangkai,
biasanya dibuat drpd kaca
kuat ka banyak tenaganya (dayanya)
menarik kk menghela supaya bergerak
ke arah diri sendiri

2. Ciri kebolehgantian antara makna dengan kata entri dalam contoh pemakaian kata.
Misalnya:

memeriksa kk mengamat-amati
(meneliti, melihat-lihat) utk
mengetahui keadaan atau
menentukan buruk baik dll
sesuatu: *ia ~ seluruh rumah*
itu sebelum memutuskan akan
menyewanya.

dasar kn bahagian yg di bawah
sekali (laut, sungai, tasik):
mutiara didapati di ~ laut

3. Aspek-aspek seperti morfologi dan sintaksis juga dipentingkan sama seperti aspek semantik.

2.4.5 Ciri-Ciri dan Kesempurnaan Takrif

Antara ciri-ciri yang dipentingkan semasa mentakrif sesuatu kata entri ialah:

1. Takrif perlulah ringkas, padat dan merangkumi aspek-aspek penting yang terkandung dalam sesuatu kata entri.

2. Kata utama atau *key-words* yang dipilih semasa mentakrif perlulah kata yang tepat atau sesuai dan tidak semestinya terdiri daripada kata yang mudah.
3. Kata entri yang ditakrif perlulah tepat dari segi ejaan, makna dan hukum tatabahasa.

2.4.6 Penjelasan Lanjutan

Penjelasan atau huraian lanjutan boleh diberikan kepada takrif jika difikirkan perlu. Penjelasan ini sebagai maklumat tambahan untuk menjelaskan lagi sesuatu takrif. Penjelasan ini boleh diberikan dengan memasukkannya ke dalam kurungan. Kebiasaananya kedudukan penjelasan ini adalah selepas sesuatu takrif atau di samping kata seerti jika sekirannya kata entri tersebut tidak diberikan takrif. Contohnya:

kokok bunyi ayam jantan yg berlarut-larut (biasanya pada waktu subuh)
hudud (jamak bagi had) batasan atau peraturan

2.4.7 Contoh Penggunaan Kata

Contoh penggunaan kata yang terdapat di dalam kamus ekabahasa mempunyai dua fungsi:

1. Untuk menunjukkan penggunaan yang aktif bagi kata tersebut atau sekurang-kurangnya menunjukkan kewujudan kata tersebut di dalam bahasa berkenaan.
2. Untuk menunjukkan konteks penggunaan kata yang telah ditakrifkan dalam satu atau pelbagai makna.

Oleh itu, untuk mendapatkan contoh penggunaan kata ini, maka contoh tersebut mestilah dipetik daripada sumber yang benar-benar wujud dan sahih.

2.5 Kesimpulan

Didapati bahawa dalam konvensi leksikografi tradisional, kesemua huraian makna

dikumpulkan ke dalam bahagian *definiens*. Huraian dalam bahagian ini hanya menunjukkan erti sesuatu perkataan dan terlalu sedikit maklumat tentang bagaimana kata tersebut digunakan mengikut pola ayat sesuatu bahasa. Malahan, apa yang ditekankan oleh konvensi tradisional ialah makna kata dan seboleh mungkin huraian yang ditunjukkan mestilah dapat menjimatkan ruang.

Dalam konvensi **COBUILD** pula, huraian makna lebih merupakan alat yang dapat memberikan kepuasan kepada pengguna tentang bagaimana sesuatu kata itu dapat digunakan, di samping makna perkataan itu sendiri. Huraian makna yang dihasilkan juga seboleh mungkin cuba menunjukkan bentuk tipikal sesuatu kata. Ini dilakukan dengan mengambil bukti-bukti daripada data korpus.

Kaedah pentakrifan yang dijadikan garis panduan kepada pendraf **Kamus Dewan** agak mirip kepada konvensi tradisional. Dalam kajian ini, amalan leksikografi yang dianjurkan oleh **COBUILD** akan cuba diterapkan. Pendekatan ini diambil untuk

melihat adakah sesuai bagi perkamusuan Melayu menerapkan amalan pendefinisan seperti yang dilakukan oleh **COBUILD**. Malahan, jika perkamusuan Melayu mengikut amalan **COBUILD**, ini merupakan satu inovasi dalam aspek pendefinisan; dengan demikian makna yang dihasilkan adalah dalam bentuk tipikal dan lebih mesra pengguna. Dalam kajian ini, kesesuaian amalan yang digunakan oleh **Kamus Dewan** dalam mentakrif makna juga akan diteliti. Ini bertujuan untuk membandingkan amalan yang digunakan oleh **Kamus Dewan** dengan amalan oleh **COBUILD**.